



TITAH DIRAJA TUANKU CANSOLOR

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA AL-SULTAN ABDULLAH
RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI SULTAN HAJI AHMAD
SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**

SEMPENA

**ISTIADAT PEMASYHURAN CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

PADA

**19 MAC 2019 [SELASA]
BERSAMAAN 12 REJAB 1440 HIJRAH**

BERTEMPAT DI

**DEWAN AGUNG TUANKU CANSOLOR
UITM, SHAH ALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام
على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى اله وصحبه اجمعين
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

ALHAMDULILLAH. BETA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA; KERANA DENGAN INAYAH DAN KEIZINAN-NYA JUGA; DAPAT BETA BERANGKAT KE ISTIADAT PEMASYHURAN BETA SEBAGAI CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA.

BETA SANGAT BERBANGGA DI ATAS PEMASYHURAN BETA SEBAGAI CANSELOR KEPADA SEBUAH INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI YANG TERBUKTI MEMPUNYAI SEJARAH YANG CUKUP ISTIMEWA; KHUSUSNYA DALAM MEMBINA KECEMERLANGAN DAN JATI DIRI BANGSA MELAYU DAN BUMIPUTERA.

BERMULA DENGAN DEWAN LATIHAN RIDA PADA TAHUN 1956; IANYA TELAH DITUKAR NAMA KEPADA MAKTAB MARA; KEMUDIANNYA KEPADA INSTITUT TEKNOLOGI MARA; DAN KINI MEGAH TERSOHOR DENGAN NAMA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA.

SESUNGGUH NYA; UNIVERSITI INI TELAH MEMAINKAN PERANAN YANG BESAR DALAM MELESTARI DARJAT DAN MARTABAT BANGSA PERIBUMI MELALUI PENDIDIKAN TINGGI. KERANA ITU LAH; UNIVERSITI INI TELAH SEKIAN LAMA BERPERANAN DALAM MELAHIRKAN MODAL INSAN BUMIPUTERA YANG BERKUALITI DAN BERJASA KEPADA NEGARA.

PADA HEMAT BETA; UNIVERSITI INI HENDAKLAH TERUS MENGEKALKAN VISI NYA; IAITU MEMBERI PENEKANAN KEPADA KELESTARIAN SERTA KELANGSUNGAN BANGSA MELAYU DAN BUMIPUTERA DALAM BIDANG PENDIDIKAN. INI BAGI MENENTUKAN BUMIPUTERA TERUS UNGGUL DALAM SEMUA BIDANG PROFESIONAL BERTARAF DUNIA.

BAGI MENENTUKAN BANGSA MELAYU DAN BUMIPUTERA TERUS BERDAYA SAING DI PENTAS GLOBAL; UNIVERSITI INI PERLU MENYEDIAKAN PENGAJIAN YANG MENKAKAJI PEMIKIRAN, KEPINTARAN SERTA BUDAYA KEPELBAGAIAN BANGSA YANG MERENTASI ZAMAN SEBAGAI BEKALAN UNTUK MEMARTABATKAN BANGSA. SEMUA INI BOLEH DILAKUKAN DENGAN TANPA MERUBAH IDENTITI DAN MATLAMAT ASAL PENUBUHAN UNIVERSITI INI.

DI ZAMAN KEAGUNGAN ISLAM; KHALIFAH UMAR BIN AL-KHATTAB TELAH MENYARANKAN BAHAWA ILMU PENGETAHUAN YANG BERGUNA KEPADA ANAK-ANAK IALAH BERUPA ILMU PENGETAHUAN BAGI ZAMAN YANG AKAN DATANG. INI KERANA, ANAK-ANAK TADI AKAN MENJADI DEWASA DI ZAMAN YANG BERBEZA DENGAN ZAMAN IBU BAPA MEREKA.

MELALUI PENDEKATAN INI; IANYA BOLEH MERUBAH JIWA DAN STIGMA BUMIPUTERA DENGAN MEMBINA KEYAKINAN DIRI BAHAWA BANGSA MELAYU DAN BUMIPUTERA MAMPU BERSAING DI PERSADA DUNIA.

BETA PERCAYA; JIKA SESUATU BANGSA ITU INGIN BERUBAH DAN MENGATASI SEBARANG CABARAN YANG MENDATANG; MAKA BANGSA TERSEBUT HENDAKLAH MEMILIKI MODAL INSAN YANG BERILMU PENGETAHUAN; DAN JUGA MEMILIKI PEGANGAN SPIRITUAL SERTA SAHSIAH YANG UNGGUL.

SELAIN ITU; SEBAGAI PUSAT PERKEMBANGAN ILMU DAN TAMADUN YANG MELAHIRKAN CERDIK PANDAI; UNIVERSITI INI TURUT MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB YANG BESAR UNTUK MENYEMAI NILAI INTEGRITI DALAM USAHA MELAHIRKAN GRADUAN YANG BERKUALITI TINGGI.

NILAI INTEGRITI INI MESTI JUGA TERSEMAT DALAM TUNJANG KEPIMPINAN SESEBUAH ORGANISASI. INI KERANA KEPIMPINAN YANG BERETIKA DAN BERWIBAWA AKAN MENJAMIN KECEMERLANGAN ORGANISASI.

JUSTERU, BETA MENYERU KEPADA SEKALIAN WARGA UNTUK SAMA-SAMA MEMBUDAYAKAN AMALAN INTEGRITI DALAM SEMUA ASPEK KEHIDUPAN, AGAR MENJADI INSAN YANG BERMORAL, BERETIKA DAN TERPUJI.

PADA KESEMPATAN INI JUGA; BETA TURUT MENYERU KEPADA SEKALIAN RAKYAT MALAYSIA UNTUK MENGELAKKAN SEBARANG TINGKAHLAKU MAHUPUN PERTUTURAN YANG BOLEH MENGAKIBATKAN BERLAKUNYA PERPECAHAN DAN PERBALAHAN; SERTA FITNAH DAN HASAD DENGKI.

SEMUA INI AKAN HANYA MENGUNDANG KEMUSNAHAN KEPADA TAMADUN BANGSA DAN KEMAJUAN NEGARA YANG TELAH SEKIAN LAMA TERBINA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN.

IZINKAN BETA MENZAHIRKAN SEKALUNG PENGHARGAAN DI ATAS KESUDIAN PIHAK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA UNTUK MENJAYAKAN ISTIADAT PEMASYHURAN BETA SEBAGAI CANSOLOR. ISTIADAT PADA PAGI INI ADALAH MERUPAKAN SATU LAGI DETIK SEJARAH YANG BAKAL TERPAHAT SEGAR DALAM INGATAN BETA.

BETA MENYERU AGAR DIPELIHARI DAN DIJAGA NAMA BAIK UNIVERSITI INI. UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA ADALAH MERUPAKAN SEBUAH INSTITUSI YANG PENUH SEJARAH; LAGI KERAMAT. DI SINILAH DARJAT, MARTABAT DAN HAK BANGSA MELAYU SERTA BUMIPUTERA DIPERJUANGKAN.

MENGAKHIRI TITAH, BETA MENDOAKAN AGAR PARA HADIRIN SERTA WARGA UNIVERSITI SEKALIAN AKAN SENTIASA DILINDUNGI, DIBERKATI DAN DIRAHMATI ALLAH SUBHANAHU WATAALA.

SAMA-SAMALAH KITA BERDOA SEMOGA NEGARA MALAYSIA YANG KITA CINTAI INI, AKAN BERTAMBAH MAKMUR DAN TERUS MENINGKAT MAJU; SERTA SENTIASA DALAM PERLINDUNGAN ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA SERTA DI JAUHKAN DARI SEBARANG MUSIBAH DAN MALAPETAKA.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته